

Bimbing anak akses internet selamat

Isu Remaja

Oleh **DR. SYAFILA KAMARUDIN**

SATU sentuhan jari mampu membuka pintu kepada dunia tanpa batas. Namun dalam konteks semasa, realiti ini semakin membimbangkan apabila pendedahan kanak-kanak kepada kandungan digital berlaku tanpa kawalan yang mencukupi.

Bagi kanak-kanak dan remaja, pengalaman itu sering bermula dengan sesuatu yang kelihatan tidak berbahaya.

Satu 'swipe' menjadi dua, kemudian berterusan tanpa henti sehingga mereka tenggelam dalam arus kandungan digital yang luas dan kompleks.

Perkembangan ini diberi perhatian oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) menerusi 'Kempen Internet Selamat'.

Ia bagi mengingatkan bahawa isu ini bukan sekadar soal penggunaan teknologi tetapi berkait rapat dengan perkembangan psikologi dan sosial anak-anak.

Dalam era algoritma yang semakin canggih, kanak-kanak di bawah usia 16 tahun masih berada dalam fasa pembelajaran kawalan diri dan belum sepenuhnya mampu menilai baik atau buruk sesuatu kandungan.

Algoritma boleh difahami sebagai satu kuasa yang tidak terlihat, namun berperanan besar dalam membentuk pengalaman digital pengguna.

Ia direka untuk mengekalkan perhatian,

IBU bapa perlu memantau kandungan internet yang sering dilayari oleh anak-anak.
— GAMBAR HIASAN



bukan semata-mata untuk mendidik atau melindungi.

Justeru apabila anak-anak dibiarkan meneroka tanpa bimbingan, mereka berisiko tinggi terdedah kepada kandungan yang tidak sesuai dengan tahap perkembangan.

Lebih membimbangkan, pendedahan berterusan kepada kandungan digital boleh mempengaruhi cara mereka berfikir, beremosi dan berinteraksi.

Tanpa kawalan, keadaan ini boleh membawa kepada ketagihan skrin, gangguan tumpuan serta kesukaran membezakan antara realiti dan dunia maya.

Dalam jangka panjang, kesan ini boleh menjejaskan perkembangan sahsiah dan kesejahteraan mental anak-anak.

Dalam konteks ini, peranan ibu bapa menjadi semakin penting dan mendesak.

Ibu bapa bukan sahaja perlu menetapkan had masa penggunaan peranti, tetapi

juga memahami ekosistem digital yang digunakan oleh anak-anak.

Ini termasuk mengetahui aplikasi yang popular, jenis kandungan sering muncul, serta cara algoritma mempengaruhi pilihan tontonan.

Pendekatan yang berkesan bukanlah sekadar melarang tetapi membimbing.

Ibu bapa perlu membina komunikasi terbuka dengan anak-anak agar mereka berasa selamat untuk berkongsi pengalaman dalam talian.

Melalui pendekatan ini, ibu bapa dapat membantu anak-anak mentafsir kandungan yang dilihat serta membentuk keupayaan berfikir secara kritikal.

Selain itu, literasi digital perlu dijadikan keutamaan dalam keluarga.

Anak-anak perlu dididik tentang risiko di alam maya, termasuk penipuan dalam talian, buli siber dan penyebaran maklumat palsu.

Pada masa sama, ibu bapa perlu meningkatkan pengetahuan mereka agar tidak ketinggalan dalam membimbing generasi digital masa kini.

Dunia digital menawarkan peluang yang sangat luas, namun turut membawa risiko besar.

Dalam landskap digital yang semakin kompleks hari ini, satu 'swipe' mungkin kelihatan remeh, tetapi kesannya boleh berpanjangan jika tidak dikawal dengan baik.

Oleh itu, kehadiran dan keprihatinan ibu bapa menjadi benteng utama dalam memastikan anak-anak tidak hilang arah dalam dunia tanpa sempadan ini.

Anak-anak bukan sahaja memerlukan akses kepada teknologi, namun yang lebih penting, mereka memerlukan bimbingan berterusan untuk menggunakannya dengan bijak.



KANAK-KANAK mudah ketagih dengan kandungan di dalam Internet. — GAMBAR HIASAN

DR. SYAFILA KAMARUDIN ialah Ketua Laboratori Generasi Siber Institut Pengajian Sains Sosial, Universiti Putra Malaysia